



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR**  
*Office of the Chief Registrar*  
**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**  
*Federal Court of Malaysia*  
**ISTANA KEHAKIMAN**  
**PRESINT 3**  
**62506 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8880 3886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

*Ruj. Tuan* :

*Ruj. Kami* : JK/MP 16/3

*Tarikh* : **18** September 2014

Pengarah Mahkamah Negeri  
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen  
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar/Pegawai Penyelidik  
Mahkamah Tinggi  
Seluruh Malaysia

Majistret  
Mahkamah Majistret  
Seluruh Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
Seluruh Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Rendah  
Seluruh Malaysia

Penolong Pendaftar  
Mahkamah Rendah  
Seluruh Malaysia

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**ARAHAN PENTADBIRAN  
KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
BIL 2 TAHUN 2014**

**PENGGUNAAN BORANG A, BORANG B DAN BORANG C BERKENAAN DENGAN  
PERKHIDMATAN JURUBAHASA ASING DAN ADUAN MENGENAI  
PERKHIDMATAN JURUBAHASA ASING YANG MENGHADIRI PERBICARAAN KES  
JENAYAH DI MAHKAMAH**

Bagi tujuan penyeragaman dan memudahkan urusan berkaitan dengan perkhidmatan jurubahasa asing di Mahkamah seluruh Malaysia, penggunaan borang-borang berikut hendaklah dipatuhi:

**a) Borang A (Borang Permohonan Perkhidmatan Jurubahasa Asing)**

Mahkamah yang ingin membuat permohonan untuk perkhidmatan jurubahasa asing hendaklah menghantar **Borang A** kepada Bahagian Sijil Amalan Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya selewat-lewatnya sebulan sebelum tarikh perbicaraan.

**b) Borang B (Borang Jawapan Permohonan Perkhidmatan Jurubahasa Asing)**

Bagi tujuan pengesahan penerimaan permohonan, Bahagian Sijil Amalan Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya akan menghantar **Borang B** selewat-lewatnya **tujuh hari** sebelum tarikh perbicaraan. Sekiranya Mahkamah yang memohon tidak menerima Borang B dalam tempoh tiga hari sebelum hari perbicaraan, Mahkamah yang memohon hendaklah menghubungi Bahagian Sijil Amalan dengan kadar segera di talian 03-88804020.

**c) Borang C (Borang Pengesahan Kehadiran Jurubahasa Asing)**

Setelah jurubahasa asing selesai memberikan perkhidmatan, Mahkamah hendaklah menghantar **Borang C** yang telah lengkap diisi ke Bahagian Sijil Amalan Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya selewat-lewatnya **dua hari** selepas jurubahasa asing tersebut selesai memberikan perkhidmatan penterjemahan.

2. Borang A, B dan C hendaklah dihantar ke emel rasmi Bahagian Sijil Amalan, Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di alamat emel **[bah.sa@kehakiman.gov.my](mailto:bah.sa@kehakiman.gov.my)**.

3. Adalah diingatkan bahawa Mahkamah atau peguam tidak dibenarkan melantik jurubahasa sendiri kerana segala urusan mengenai pelantikan jurubahasa asing adalah dikendalikan oleh Bahagian Sijil Amalan, Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya.

4. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan juga bahawa Jurubahasa Asing yang memberi perkhidmatan di Mahkamah adalah tertakluk kepada Panduan Jurubahasa Asing di Mahkamah Tahun 2013 (seperti di Lampiran) yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Justeru itu, sekiranya terdapat sebarang aduan mengenai kelakuan jurubahasa asing yang tidak beretika, perkara tersebut hendaklah dilaporkan kepada Bahagian Sijil Amalan Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di alamat emel **[bah.sa@kehakiman.gov.my](mailto:bah.sa@kehakiman.gov.my)**.

5. Arahan Pentadbiran ini berkuatkuasa **serta merta** dan Arahan Pentadbiran Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bil 3. Tahun 2013 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

s.k.:

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
Jalan Gersik  
93050 Petrajaya  
**KUCHING, SARAWAK**

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
Jalan Gersik  
93050 Petrajaya  
**KUCHING, SARAWAK**

Pendaftar  
Mahkamah Rendah Malaya  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Sesyen Kuching  
**SARAWAK**

Pengarah Bahagian Pengurusan  
Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Ketua Bahagian Dasar, Latihan dan Perancangan Strategik  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Ketua Bahagian Teknologi Maklumat  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Ketua Bahagian e-Kehakiman  
Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pustakawan  
Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**